



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 12 NOVEMBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	KPKM AKAN BINCANG, TETAPKAN HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,500 SATU TAN, NASIONAL, SH -6 HARGA LANTAI BELIAN PADI RM1,500 SATU TAN DITELITI, NASIONAL, BH -8 HARGA BERAS TEMPATAN PERLU DIKAJI, RM2.60 SEKILOGRAM SEJAK 2008, DALAM NEGERI, UM -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
4. 5. 6.	4,233 PESAWAH MADA TERJEJAS BANJIR TERIMA RM1,000, DALAM NEGERI, UM -33 4,233 PESAWAH MADA DAPAT SUMBANGAN IHSAN PM RM4.23j, LOKAL, HM -8 4,233 PESAWAH MADA TERIMA RM1,000, NEGARA, KOSMO -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
7. 8. 9.	KENAPA NAFAS GAGAL?, RENCANA, UM -14 TIDAK SABAR TUNGGU PENDEDAHAN KARTEL, DALAM NEGERI, UM -8 PENGURUSI BAHARU NAFAS MAHU DAPAT MAKLUMAT DAHULU, DALAM NEGERI, UM -8	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
10. 11. 12. 13.	FERTILE GROUND TO TURN OVER A NEW LEAF, NATIONAL, THE SUN -6 RM12MIL BOOST FOR ONION SUPPLY, NATION, THE STAR -8 DON'T GET HOOKED ON EATING THIS FISH, NATION, THE STAR -3 'MORE RESEARCH ON EFFECTS OF EATING POLLUTED FISH NEEDED', NATION, THE STAR -3	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM akan bincang, tetapkan harga lantai belian padi RM1,500 satu tan

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan bagi menetapkan harga lantai belian padi kepada RM1,500 satu tan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ketika ini harga minimum belian ditetapkan pada harga RM1,300 bagi setiap tan metrik dan pelaksanaan tersebut turut melibatkan Sabah dan Sarawak mulai 15 Februari lalu.

"Nak tetapkan RM1,500 (satu tan), saya bukan diketator, perlu berbincang dengan semua pihak terutama Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan sebagainya kerana kerajaan ada sistem."

"Saya ingin menegaskan bahawa penetapan harga adalah langkah strategik bagi melindungi kepentingan pesawah dan perbezaan



MOHAMAD

harga antara negeri adalah keputusan ini akan berdasarkan di namik pasaran setempat," katanya ketika sesi penggulangan R a n g Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 peringkat dasar di Dewan Rakyat pada Isnin.

Sementara itu menjawab pertanyaan sama ada kerajaan bercadang menyalaras harga jualan padi di seluruh negara, beliau memaklumkan, ia akan dimuktamadkan selepas kajian terperinci mengenai penyalaras harga baharu dibuat dalam masa terdekat.

"Kajian ini bertujuan memastikan kestabilan harga padi di semua kawasan dan membantu meningkatkan pendapatan pesawah secara adil."

"Ini adalah sebahagian

daripada reformasi industri padi dan beras yang sedang dilaksanakan," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad yang juga Ahli Parlimen Kota Raja menegaskan, semakan semula harga siling beras putih tempatan wajar dilaksanakan sebagai langkah penyelesaian jangka masa panjang.

Walaupun cadangan tersebut masih dalam proses kajian, beliau menjelaskan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah melengkapkan laporan mengenai industri padi dan beras.

"Laporan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (FSCC) akan datang."

"KPKM komited untuk meneliti hasil kajian ini serta syor yang dikemukakan dengan harapan reformasi industri padi dan beras dapat dilaksanakan secara menyeluruh," ujamnya.

SIDANG PARLIMEN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	8

Harga lantai belian padi RM1,500 satu tan diteliti

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan membincangkan mengenai penetapan harga lantai belian padi RM1,500 satu tan, dengan semua pihak berkaitan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata harga minimum belian padi kini ditetapkan RM1,300 setiap tan dan pelaksanaan ini juga merangkumi di Sabah dan Sarawak mulai 15 Februari lalu.

"Hendak tetapkan RM1,500 saya bukan diktator, perlu berbincang dengan semua pihak termasuk Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) dan sebagainya kerana kerajaan ada sistem.

"Saya ingin menegaskan penetapan harga ini adalah langkah strategik bagi melindungi kepentingan pesawah.

"Namun, perbezaan harga antara negeri adalah keputusan perniagaan berdasarkan dinamik pasaran setempat," katanya pada sesi penggulangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 peringkat dasar di Dewan Rakyat, semalam.

Mohamad berkata, bagi menjawab kebimbangan sama ada kerajaan bercadang menyelaraskan harga jualan padi di seluruh negara, kerajaan bagaimanapun sedang mempertimbangkan cadangan terbahit.

Beliau berkata, ia akan dimuktamadkan selepas kajian terperinci mengenai penyelarasan harga baharu dibuat dalam masa terdekat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Harga beras tempatan perlu dikaji, RM2.60 sekilogram sejak 2008

KUALA LUMPUR: Reformasi berkaitan padi dan beras akan dibuat secara besar-besaran setelah kajian menyeluruh dilaksanakan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) khususnya tentang harga beras putih tempatan yang masih sama sejak 2008.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga beras tempatan RM2.60 sekilogram sehingga hari ini tidak berubah, sekali gus perkara itu perlu dikaji kembali.

"Sekarang adakah nak kekal dengan harga itu? Kita akan dapatkan pandangan dari MYCC buat kajian, libat urus dengan banyak pihak..apabila sudah siap laporan itu, ia akan dibentangkan dalam masa terdekat ini dan dari situ kita akan bergerak dan bertindak untuk membuat perubahan mengenai hal padi dan beras secara menyeluruh secara besar-besaran," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan (Belanjawan) 2025 bagi Kementerian Pertanian dan Keter-

jaminan Makanan di Dewan Rakyat, semalam.

Sebelum itu, Datuk Seri Ronald Kiandee (PN-Beluran) menjelaskan yang harga belian padi yang ditetapkan kementerian adalah RM 1,300 per tan metrik, namun perkara itu tidak berlaku di peringkat pengilang kerana harga belian padi meningkat kepada RM, 1,800 per tan metrik.

"Dari segi biasanya ia memang tidak logik, tetapi dari segi bisnis, ia logik dan padi itu diubah menjadi beras import dan ia menjadi sebab kena beli pada harga RM1,800. Perkara ini perlu dibuat siasatan lanjut secara mendalam," jelas Ronald yang menggesa penjelasan dari pihak kementerian.

Dalam pada itu, Mohamad turut menjelaskan yang kementerian sedang mempertimbangkan untuk membuat penyelarasan harga padi di seluruh negara bagi memberi keadilan kepada semua pesawah.

"Kerajaan mengambil maklum harga belian padi berbeza mengikut negeri dan harga belian padi

adalah RM1,300 per tan metrik merangkumi Sabah dan Sarawak. Penetapan harga ini adalah strategi bagi melindungi kepentingan pesawah. Walaupun begitu terdapat perbezaan mengikut negeri berdasarkan dinamik, namun sama ada kerajaan akan selaraskan harga padi di seluruh negara, kerajaan sedang mempertimbang perkara tersebut.

"Setelah kajian terperinci, setelah penyelarasan tentang harga baru telah dimuktamadkan, kajian ini bertujuan menstabilkan harga padi di semua kawasan dan membantu untuk meningkatkan pendapatan pesawah secara adil," katanya lagi.

Mohamad dalam masa yang sama turut menjelaskan pihak kementerian kini sedang dalam usaha untuk menggabungkan semua yang berkaitan di bawah satu bumbung bagi memudahkan semua pihak untuk membuat sebarang keputusan.

"Boleh selesai atau tidak, kita cuba.. sebab hal padi sentiasa bergolak dan kalau hal lain ia ada penghujung. Tetapi, padi

ini tidak kerana ada pihak yang berkuasa iaitu kementerian, ada pihak lain juga yang berkuasa iaitu mereka yang menentukan harga, ada pihak pengedar, ada pihak yang menanam...semua itu kita perlu gabungkan. Perkara itu lambat, tetapi akhirnya semua akan mendapat manfaat," ujarnya.

Menjawab soalan Datuk Idris Ahmad (PN-Bagan Serai), adakah isu beras ini sukar untuk diselesaikan, Mohamad berkata, ke semua permasalahan yang berlaku ada di dalam laporan di bawah kementeriannya, namun memerlukan keseimbangan terhadap semua pihak dalam memperoleh keuntungan, dalam masa yang sama turut tidak membebankan para pembeli.

"Dari sudut kementerian, kita akui semua masalah itu ada. Sebab itu kita hendak gabungkan supaya ramai penguatkuasa boleh bertindak. Tetapi dalam hal ini, kita kena buat keseimbangan dari segi petani pun untung, pengilang untung, pengedar untung, pengguna tidak dibebankan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33



SAIFUDDIN Nasution Ismail bersama Dr. Ismail Salleh ketika Majlis Penyerahan Sumbangan Ihsan Perdana Menteri Kepada Pesawah Yang Terlibat Bencana Banjir Fasa 1 di MADA di Alor Setar. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

4,233 pesawah MADA terjejas banjir terima RM1,000

ALOR SETAR: Seramai 4,233 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) negeri ini menerima sumbangan Ihsan Perdana Menteri berjumlah RM4.23 juta selepas terjejas akibat banjir September lalu.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, setiap pesawah menerima RM1,000 yang dapat membantu mereka mengusahakan tanaman padi bagi musim seterusnya selain menampung kerugian yang dialami akibat banjir.

“Keseluruhan peladang MADA yang terlibat telah diangkat dan diluluskan oleh jawatankuasa adalah seramai 4,233 orang dan daripada situ pihak Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) telah bersetuju untuk memberi sumbangan RM1,000 setiap orang.

“Jadi daripada 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), 21 PPK terlibat yang membabitkan keseluruhan kerugian lebih RM29.43 juta,” katanya.

Terdahulu beliau hadir pada Majlis Penyerahan Sumbangan

Ihsan Perdana Menteri kepada pesawah yang terlibat bencana banjir fasa 1 negeri Kedah yang disampaikan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang juga Pengerusi Bersama Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Kedah.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kawasan penanaman padi di bawah kendalian MADA terutama di Kedah paling teruk terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/11/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8



SAIFUDDIN bersama penerima pada majlis sumbangan Ihsan Perdana Menteri kepada pesawah yang terdabit banjir di Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada). - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

Alor Setar: Seramai 4,233 pesawah yang terjejas akibat banjir di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) pada September lalu menerima sumbangan ihsan Perdana Menteri berjumlah keseluruhan RM4.23 juta.

Pengerusi Mada, Datuk Dr Ismail Salleh berkata, sumbangan itu untuk membantu meringankan beban pesawah bagi memulakan musim tanaman kedua yang dijangka bermula hujung bulan ini.

"Mengikut banciaan, keseluruhan peladang yang ter-

4,233 pesawah Mada dapat sumbangan ihsan PM RM4.23j

libat adalah seramai 4,233 orang dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) bersetuju untuk memberi sumbangan RM1,000 setiap orang.

"Daripada 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), 21 PPK terlibat membabitkan keseluruhan kerugian lebih RM29.43 juta," katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui selepas majlis penyerahan wang ihsan berkenaan di Ibu Pejabat Mada, di sini, semalam.

Penyerahan itu disempurnakan oleh Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang juga Pengerusi Bersama Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Kedah.

Dr Ismail berkata, Mada

turut akan menyalurkan bantuan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terjejas akibat bencana itu.

Katanya, perkara itu sudah dikemukakan kepada kementerian dan berada di peringkat akhir untuk kelulusan sebelum dapat diagihkan kepada penerima yang layak.



SAIFUDDIN NASUTION (tujuh dari kanan) bergambar dengan tetamu ketika hadir dalam Majlis Penyerahan Sumbangan Ihsan YAB Perdana Menteri di Ibu Pejabat MADA, Alor Setar semalam. – SHAHIR NOORDIN

4,233 pesawah MADA terima RM1,000

ALOR SETAR – Seramai 4,233 pesawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini yang terjejas banjir pada September lalu menerima sumbangan ihsan Perdana Menteri berjumlah RM4.23 juta.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, setiap pesawah menerima RM1,000 yang dapat membantu mereka mengusahakan tanaman padi bagi musim seterusnya selain menampung kerugian yang dialami.

“Keseluruhan peladang MADA terlibat telah diangkat dan diluluskan oleh jawatankuasa adalah seramai 4,233 orang dan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) telah bersetuju untuk memberi sumbangan RM1,000 setiap orang.

“Jadi daripada 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), 21 PPK terlibat yang membabitkan keseluruhan kerugian lebih RM29.43 juta,” katanya selepas hadir Majlis Penyerahan Sumbangan Ih-

san Perdana Menteri kepada pesawah yang terlibat bencana banjir fasa 1 di Kedah.

Sumbangan disampaikan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang juga Pengerusi Bersama Majlis Tindakan Pembangunan Negeri Kedah.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kawasan penanaman padi di bawah kendalian

MADA terutama di Kedah paling teruk terjejas dengan keluasan 5,915 hektar.

Ismail berkata, pihak MADA juga akan menyalurkan bantuan menerusi Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) kepada pesawah yang terjejas bencana itu.

Tambahnya, permohonan penyaluran bantuan TBTP telah dikemukakan kepada KPKM dan berada di peringkat akhir untuk kelulusan sebelum dapat diagihkan kepada penerima layak.



**FATIMAH
MOHAMED
ARSHAD**

SUNTIKAN nafas baharu kepada NAFAS. Kegemilangan NAFAS menyerlah dalam era Revolusi Hijau dalam 1970an apabila ia berjaya meningkatkan produktiviti petani melalui fungsi agihan baja.

Namun beberapa dekad kemudian, NAFAS sering terpalit dengan pelbagai isu tatakelola serius. Lantas, agensi ini perlu kembali kepada falsafah asas yang mendasari penubuhannya iaitu koperasi: dari petani oleh petani demi petani.

Sebagai Pertubuhan Peladang Kebangsaan, mereka adalah wakil petani di tahap paling tertinggi. Tunggak fungsi mereka adalah memperkasakan kapasiti petani dan bukan memerah keuntungan daripada petani.

Pertubuhan Peladang (PP) telah ditubuhkan oleh Tun Abdul Razak memirip model Pertubuhan Peladang di Taiwan dalam tahun 1970an. Pertubuhan Peladang di Taiwan bermula dengan bantuan daripada kerajaan dalam tiga tahun pertama dan kemudian ia mandiri dipacu oleh petani sendiri.

Falsafah yang dianuti adalah prinsip koperasi yang memperkasakan kapasiti anggota untuk kebajikan anggota. Model yang sama telah dimiripkan oleh Korea Selatan dengan penuh kejayaan sehingga Pertubuhan Peladang mereka memiliki beberapa pasaraya yang berjaya.

Prestasi yang berbeza dengan Malaysia, menimbulkan persoalan mengapa Malaysia gagal meniti laluan maju Taiwan dan Korea. Seperti yang tercatat dalam Akta Pertubuhan Peladang 1973, fungsi asas NAFAS adalah "memajukan kepentingan ekonomi dan kebajikan sosial anggotanya."

Ini melibatkan pelbagai kegiatan seperti pembekalan input dan keperluan ladang, perkhidmatan jentera dan ladang, pembangunan manusia, aktiviti kemasyarakatan dan lain-lain. Senarainya komprehensif ke arah pemerkasaan perusahaan padi, kebajikan dan hampir keseluruhan ekosistem sawah.

Namun setelah wujud lebih separuh abad, prestasi agensi dalam menepati fungsi yang tersenarai dalam akta tersebut boleh dipertikaikan. Lencongan serius seperti yang berlaku dalam 2018 dan 2024 menyebabkan kerugian besar dan yang lebih



KARTEL berlaku kerana NAFAS adalah satu-satunya agensi yang memonopoli agihan baja dalam industri padi selama separuh dekad. - GAMBAR NAFAS

Kenapa NAFAS gagal?

parah membuktikan bahawa struktur dan ekosistem tatakelola agensi ini terdedah kepada ketirisan dan amalan tidak etika dari tahun ke tahun. Kes kartel baja baru-baru ini adalah buktinya.

Kartel berlaku kerana NAFAS adalah satu-satunya agensi yang memonopoli agihan baja dalam industri padi selama separuh dekad. Agihan baja adalah berpusat iaitu ia bermula daripada NAFAS yang diagihkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri dan Kawasan dan petani.

Ekosistem agihan baja ini telah bertapak semenjak 1973 lagi. Oleh kerana tiada persaingan, maka agensi ini tiada inisiatif untuk memperbaiki prosesnya supaya cekap, pantas dan produktif.

Situasi ini ditokok pula dengan perolehan baja kerajaan secara "perundingan terus" atau *direct nego* yang merupakan pemangkin kepada kegiatan kartel.

Sebagai yang terbukti dalam beberapa kes yang sama dalam sektor lain, perolehan kerajaan yang besar nilainya secara perundingan menyuburkan kegiatan kartel untuk meraih untung besar dan cepat.

Kerajaan nekad untuk membasmi "orang tengah," tetapi tidak menyedari sistem perolehan baja melalui NAFAS

menjadikan kerajaan sebagai "orang tengah."

Kesan struktur agihan baja semasa ke atas industri padi kepada masyarakat adalah seperti berikut.

Pertama, oleh kerana agensi ini memonopoli agihan baja, maka tiada pemain baharu menceburi sektor ini kerana halangan kemasukan yang tinggi. Terbukti tiada usahawan muda baharu yang menyertai sektor ini, tiada aplikasi digital yang dibina untuk meningkatkan kecekapan proses dan tiada percambahan syarikat pemula atau *start-ups* seperti mana yang berlaku di India.

Ini menyebabkan inovasi adalah minimum dan pertumbuhan sektor baja dan input tempatan adalah lembap dan pergantungan ke atas import kian memberat.

Kedua, kerana tiada persaingan, prestasi agihan baja adalah lemah dan tidak cekap.

Laporan Ketua Audit Negara (2019), purata kelewatan agihan baja adalah antara 20 hingga 220 hari, sangat menjejaskan produktiviti pesawah kerana keserentakan tiga input utama iaitu air, benih dan baja adalah penentu utama.

Ketiga, penggunaan satu formula baja ke atas semua profil tanah adalah merugikan dana awam kerana setiap

kawasan mempunyai ciri tanah berbeza dan formula baja juga berbeza.

Sepatutnya, usaha profil tanah ini boleh dipercepatkan melalui teknologi AI, namun sejak tahun 2019 data masih tidak menyeluruh dan lengkap.

Keempat, ketirisan dan amalan tidak etika merugikan dana kerajaan dan petani. Tanpa disedari, krisis tatakelola yang berulang-ulang hanya menyerlahkan pekung dalam sistem mereka.

Kelima, kelemahan dalam sistem agihan terutama kelewatan baja telah menurunkan hasil padi, daripada 4 tan/ha pada tahun 2008 kepada 3.5 tan/ha pada 2023, berbanding purata agihan subsidi telah meningkat daripada RM500 juta sebelum 2008 kepada RM1.6 bilion pada tahun 2008 hingga 2023. Sehingga kini hampir 90 peratus petani masih tergolong dalam B40.

Keenam, oleh kerana hasil dan pulangan kepada petani adalah rendah, maka tiada ruang untuk sektor ini menerap tuntutan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) terutama ke arah sistem agroekologi yang mesra alam.

Nyata agensi ini memerlukan nafas baharu. Di tahap awalan pembangunan pertanian agensi pertanian memainkan peranan penting

untuk membantu petani dengan infrastruktur, input dan pelbagai sokongan.

Namun struktur monopoli dan pemusatan agihan tidak lagi berkaitan dalam era semasa kerana akses kepada maklumat dan teknologi adalah setara kepada semua pemain industri termasuk petani.

Persaingan diperlukan untuk menyuburkan inovasi dan kesetaraan. Faedah persaingan adalah ia mengurangkan penggondolan kuasa dan menyempitkan laluan ke atas korupsi.

Nafas baharu yang diperlukan adalah pertama, agensi ini kembali kepada matlamat asalnya iaitu memperkasakan kapasiti petani berpaksikan falsafah koperasi dan tidak mencari perniagaan dan keuntungan untuk agensi menggunakan dana kerajaan melalui kegiatan *renti seeking*.

Bererti, tunjang fungsi utama agensi ini adalah pembangunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) melalui latihan, pengembangan dan membuka peluang supaya lebih mandiri untuk faedah ahlinya. Untuk tujuan ini, agensi ini perlu diterajui oleh profesional yang memahami pertanian dan bukan ahli politik.

Kedua, dicadangkan supaya pasaran input terbuka di mana NAFAS perlu bersaing dengan pembekal yang lain bagi menggalakkan inovasi dan kecekapan dan memberi khidmat serta kualiti yang terbaik untuk petani. Jadi, perundangan perlu ketat untuk mengelakkan kartel dan amalan tidak etika dalam kalangan pembekal.

Ketiga, PPK perlu dilatih dan diberi peluang untuk terlibat dalam rantaian bekalan *input* dan *output*, begitu juga kemampuan memiliki mesin dan jentera bukan sewaan dari pembekal termasuk Pertubuhan Peladang Negeri. Kini, pesawah hanya memerlukan mesin pintar yang sepadan dengan saiz sawah mereka.

Keempat, kebanyakan negara memiliki hanya dua tahap Pertubuhan Peladang (PP), iaitu kawasan dan kebangsaan. Ini kerana PP tahap negeri tidak memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan.

Tuntasnya, potensi NAFAS adalah besar dalam peningkatan kesejahteraan petani jika paksi mereka berteraskan koperasi di mana pemerkasaan petani adalah matlamat unggulnya dan bukan kekayaan NAFAS.

PROFESOR Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad ialah Pemegang Kursi Sekuriti Makanan di Universiti Putra Malaysia.

12/11/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

8

Tidak sabar tunggu pendedahan kartel

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Pesawah tidak sabar menunggu laporan berkaitan kartel padi dan beras yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali gus membanteras barah dalam industri pertanian negara selama ini.

Pengerusi Pertubuhan Pesawahan Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, sudah tiba masanya reformasi dalam industri itu dilaksanakan ketika kebanyakan pihak seakan-akan pejam mata terhadap kepincangan yang berlaku hingga membenarkan kartel bermaharajalela.

Katanya, ini merupakan masa yang tepat untuk membela kembali nasib petani dan menghapuskan kartel ketika golongan pesawah terbeban dengan peningkatan kos yang membawa kesan besar terhadap pendapatan dan motivasi mereka dalam memperjuangkan keterjaminan makanan negara.

"Langkah kerajaan melakukan reformasi ini termasuk berusaha membersihkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) wajar dipuji. Tindakan ini sepatutnya sudah diambil lama dulu tetapi tiada pihak yang benar-benar serius mengusahakannya.

"Kita bukan mahu menyebarkan mana-mana pihak tetapi perkara ini wajar dilakukan oleh sesiapa pun yang berkuasa dan menjadi kerajaan. Ini langkah yang ditunggu-tunggu sejak sekian lama dan jika bukan sekarang, sampai bila agaknya kita mahu melihat golongan petani terus ditindas," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Dr. Fuziah Salleh berkata, laporan kajian berkenaan kartel padi dan beras akan diumumkan oleh Perdana Menteri dalam masa terdekat.

Menurut Fuziah, beliau sudah meneliti laporan disiapkan Suruhanjaya Persaingan Malay-

sia (MyCC) namun tidak boleh mendedahkan intipatinya kerana enggan mendahului Perdana Menteri.

Mengulas lanjut Abdul Rashid berkata, golongan yang terlibat dalam industri pertanian negara sedar bahawa peperangan melawan kartel bukan sesuatu yang mudah kerana ianya sudah berleluasa sejak sekian lama.

"Maka kita berharap agar usaha memerangi mereka ini tidak terhenti separuh jalan. Lakukan secara bersungguh-sungguh dan sentiasa lipat gandakan usaha untuk membanteras mereka bagi membela nasib petani.

"Diakui memang banyak cabaran untuk menentang kartel kerana mereka bukan hanya menguasai industri, malah turut menguasai kerajaan. Disebabkan itu, kami berharap usaha ini dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak agar industri padi dan beras negara dapat terus maju serta mendatangkan lebih banyak kebaikan kepada petani," katanya.

Pengerusi baharu Nafas mahu dapat maklumat dahulu

PETALING JAYA: Pengerusi Majlis Penasihat Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) baharu mahu mendengar taklimat daripada ahli lembaga penubuhan badan itu terlebih dahulu sebelum menentukan tindakan seterusnya yang akan diambil.

Tan Sri Zainal Rahim Se-

man berkata, buat masa ini beliau belum bersedia mengulas mengenai langkah reformasi yang bakal dilaksanakan untuk mengatasi masalah tatakelola dalam pertubuhan tersebut.

Menurutnya, beliau juga akan mendengar taklimat daripada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) bagi tujuan reformasi tersebut.

"Beri saya peluang dengar taklimat dan bertugas terlebih dahulu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, hari ini.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, Zainal Rahim yang juga bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), dilantik sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Nafas baharu berkuatkuasa 8 November.

Menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Mohamad Sabu, pelantikan

itu dilakukan atas kepercayaan terhadap kemampuan Zainal Rahim dalam melakukan reformasi LPP melibatkan tatakelola di Nafas.

Dalam pada itu, Mohamad Sabu juga menafikan reformasi tatakelola dalam Nafas berkait dengan politik kononnya Parti Amanah Negara (Amanah) mahu menyingkirkan UMNO daripada pertubuhan tersebut.

Pada 1 November lalu, Nafas digantung perlembagaan berkuat kuasa 1 November sehingga penarikan semula diumumkan.

Ketua Pengarah LPP, Amir Matamin berkata, ia susulan berlakunya kecelaruan dalam usaha mentadbir sehingga menjejaskan kepentingan pertubuhan terhadap anggota di bawahnya.

Beliau yang juga Pendaftar Pertubuhan Peladang berkata, keputusan itu diambil selepas konflik dalaman berlaku semasa perintah moratorium selama sembilan bulan bermula 7 Februari sehingga 31 Oktober lalu bertujuan memperbaiki tatakelola dan tadbir urus Nafas.



ZAINAL RAHIM SEMAN

Fertile ground to turn over a new leaf

► Smart farm offers skills training work and hope to individuals going through rough patch in life

SEPANG: An opportunity provided by the operator of a smart farm called Metrosfarm has brought significant meaning to Izuddin Mastuki, 41, a homeless man once caught up in crime.

Known as Che Din, he said his life has completely transformed from being lost and feeling excluded from society to becoming a farmer, working alongside 13 others with similar backgrounds.

"When project leader Ariff Hishamudin Hussin chose me to be trained as an IoT (Internet of Things) farmer, I accepted it with an open heart and felt deeply moved because there were still people willing to trust and give a second chance to someone like me.

"I never expected to have this opportunity. I see it as a lifeline," said the Johor native.

Since starting work at Metrosfarm earlier this year, Izuddin completed a three-month course to learn the ins and outs of smart farming, focusing on leafy vegetable cultivation and managing IoT systems in agriculture, Bernama reported.

"The vegetables have been harvested many times, and I feel proud and satisfied. I went from being homeless to producing tangible results in agriculture."

He said he intends to make full use of the knowledge imparted by the Metrosfarm team and the Sepang District Agriculture Department and hopes to run his own farm in the future, contributing positively to his family and society.

"God willing, I will do my best to repay them. For me, the knowledge shared is far more valuable than money. Knowledge never depletes and only grows, while money will eventually be spent," he said, adding that he also receives a monthly allowance of RM300.

Recounting the origins of Metrosfarm, Ariff said the idea was sparked during a charity programme distributing food packs to the



Izuddin said he is grateful for the opportunity given and has plans to run his own farm in the future. — BERNAMA/PIIC

homeless in collaboration with NGOs and Kuala Lumpur City Hall in 2015.

"I thought, why not give them skills and knowledge so that they don't just rely on aid to survive but can use those skills to earn a living, especially since they are physically capable?"

The bachelor's degree in social sciences holder from Universiti Tun Abdul Razak said the idea has materialised with the creation of a 0.2ha greenhouse in Bandar Baru Salak Tinggi, which houses 47 seedling tables with over 14,000 small vegetable pots, including varieties such as red coral, green coral and red oakleaf lettuce.

He said the IoT-based farm, which has been in operation for nearly two years, has successfully trained 14 homeless individuals, comprising eight men and six women aged between 40 and 50. The success of the farm includes supplying lettuce to several supermarkets in the Klang Valley and exporting produce to Singapore since May.

"One table can yield between 15kg and 30kg of red coral, red oakleaf and green coral lettuce," he said, adding that the selling price for a kilogramme of green coral and red coral

lettuce is between RM5 and RM10, while red oakleaf is priced between RM14 and RM16.

Regarding future plans, Ariff Hishamudin said he and his team aim to establish an IoT-concept greenhouse for retired civil servants, targeting a production of five tonnes of leaf celery per month.

"We approached the Agriculture and Food Security Ministry last year and are currently awaiting feedback," he said, adding that he is hoping for government support in terms of funding and training to realise the project for national food security.

Meanwhile, IoT developer Rano Paimin, 45, explained that the greenhouse is equipped with an IoT system, which includes water and fertiliser irrigation network, 16 fans for ventilation and a water tank that can be monitored and controlled via a customised setup.

"We use the Telegram app to receive notifications on water or fertiliser shortage. In the future, we plan to enhance the system using artificial intelligence, which can provide weather forecasts and fully automate greenhouse operations" said Rano.

RM12MIL BOOST FOR ONION SUPPLY

The funding for 2025 will develop infrastructure for onion productivity, says Nor Sam

PETALING JAYA: The government has earmarked RM12mil for 2025 to expand and modernise the onion supply chain, aiming to make Malaysia self-sufficient in onion production and reduce reliance on imports.

Agriculture Department director-general Datuk Nor Sam Aliwi said that the government is committed to developing a sustainable onion industry that empowers local farmers and strengthens Malaysia's agricultural sector.

"This fund will be allocated to develop infrastructure, including irrigation systems, storage and drying facilities that will support the entire onion supply chain.

"The fund will also be used to provide technical assistance, support and training or capacity building for farmers, ensuring they adopt the latest farming techniques and best practices."

She explained that the initiative would help Malaysia lower its import dependence ratio (IDR), enhance the self-sufficiency rate (SSR) and improve food security, while also creating job opportunities.

A strategic multi-phase programme

The government has launched a multi-phase pilot programme in Ladang Bikam, Perak on Jan 24. The first phase of this pilot project covers several hectares, with an anticipated yield of four metric tonnes per hectare.

Under this programme, the government provided essential resources such as planting materials, technical training and marketing assistance to farmers to establish a foundation for future



The government aims to produce over 14,000 metric tonnes of onions by 2030, with a total investment of RM100mil. The long-term goal is to make Malaysia self-sufficient in onion production.

active seeks to address challenges in onion production including high labour costs and inconsistent year-round production.

"Seasonal variations, poor infrastructure and limited access to quality seeds have affected onion production.

"Providing better infrastructure, improved irrigation systems, high-quality seeds alongside technical training for farmers are among the strategies designed to address these challenges," she pointed out.

With local farmers at the core of this initiative, the government is working closely with them in providing high-quality planting materials, technical know-how and infrastructure support.

"In return, farmers are expected to implement advanced farming practices that will help boost productivity and meet the country's growing demand."

Vision for a greater impact

The government has outlined a strategic plan to obtain a 30% SSR in onion production by 2030.

The plan consists of three phases: seed development (2021-2030), pre-commercial scale (2024-2025) and commercial scale (2026-2030).

Under the pre-commercial phase, 26.5ha has been developed for onion cultivation in 2024, covering Perak, Selangor, Penang, Kelantan, Pahang, and

Perlis.

"In the next few years, the government expects a substantial increase in local onion production, thereby boosting domestic supply and reducing imports," Nor Sam said.

By 2030, the government aims to develop 1,347ha, with key locations including Kuala Bikam in Perak and the Agrofood Park (TKPM) Ara Kuda in Penang, producing over 14,000 metric tonnes of onions with a total investment of RM100mil under the 13th Malaysia Plan.

Beyond spurring local onion production, this initiative is expected to generate employment opportunities in rural areas and stimulate economic growth.

Additionally, by reducing import dependence ratio, the initiative also enhances Malaysia's agricultural resilience and builds a stronger foundation for long-term food security.

"This initiative strengthens Malaysia's agricultural sector and uplifts our local communities.

"We are laying the groundwork for a self-reliant future, where Malaysia can produce enough for its people and create sustainable growth for its farmers," she said.

"This initiative aligns with the broader goal of strengthening Malaysia's agricultural sector, making it more competitive and sustainable in the long term," Nor Sam concluded.

Don't get hooked on eating this fish

Trending ikan bandaraya dishes may be toxic traps, health experts warn

By ARIYAH YUNUS
ariyah@thestar.com.my

PITALING, JAYA: As sassy ikan bandaraya (tuckermouth catfish) dishes trend on social media, experts are warning Malaysians against eating the fish, especially in polluted rivers.

Known for its ability to thrive in heavily polluted waters, the fish is promoted as a culinary delicacy. However, health experts warn that the invasive species poses health risks to consumers.

Now that sassy ikan bandaraya is trending on social media, it is tempting to think that the fish is safe to eat. But health experts warn that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters.

The fish is known for its ability to thrive in heavily polluted waters, and it is often found in less-than-ideal environments. This means it may have accumulated toxins in its body, which could be harmful to humans if consumed.

With its thick, tough skin and limited meat, he said the fish is often found in less-than-ideal environments. This means it may have accumulated toxins in its body, which could be harmful to humans if consumed.

"The skin is thick, so other fish don't want to eat it. That leaves it in the water, where it can accumulate toxins from the polluted water," he said.

He said that traditionally, people in the area would not eat the fish. However, it has become a popular dish in recent years, often served in restaurants and at social gatherings.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

'More research on effects of eating polluted fish needed'

PITALING, JAYA: Sassy ikan bandaraya (tuckermouth catfish) could pose serious health risks, health experts warn. The fish is often found in polluted waters, and its consumption could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

The public should exercise caution when consuming ikan bandaraya, especially if it is caught in polluted waters. Health experts recommend that consumers should avoid eating the fish altogether to prevent any potential health risks.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Health experts caution the public about the potential dangers of consuming ikan bandaraya. The fish is often found in polluted waters, and its consumption could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Health experts caution the public about the potential dangers of consuming ikan bandaraya. The fish is often found in polluted waters, and its consumption could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.



Attack of the monster fish
Tuckermouth catfish threatens riverbanks, cities

By ARIYAH YUNUS
ariyah@thestar.com.my

100,000 tonnes of the pestiferous fish, known as tuckermouth catfish, are estimated to be in the Klang Valley, health experts warn. The fish is known for its ability to thrive in heavily polluted waters, and it is often found in less-than-ideal environments. This means it may have accumulated toxins in its body, which could be harmful to humans if consumed.



Time to scale back
Despite growing interest in sassy ikan bandaraya, experts say such dishes could contain heavy metal contamination.

Photo courtesy of the Tuckermouth Catfish Hunters Community

Highly unwholesome, he cautioned, "Consumption could lead to grave health consequences, such as liver and kidney damage." He added that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters.

Exhibiting this sentiment, biomedical sciences professor Dr. Ahmad, from Universiti Malaysia Terengganu's Faculty of Science and Technology, said he was worried that the fishy bulletin posed potential health risks.

"The fish feeds on algae and sits at the bottom of the food chain. We then consume those contaminated fish," he said.

Although short-term health effects may not be immediately apparent, he said, the fish could contain heavy metals such as lead, mercury, and other pollutants in the fishy water.

"Even if the lead content is within safe limits, this isn't a justifiable reason to consume it," he said.

Prof Muhammad Iqbal Anwar, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Anwar said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

He warned that these hazardous substances could be harmful to humans if consumed. He said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Health experts caution the public about the potential dangers of consuming ikan bandaraya. The fish is often found in polluted waters, and its consumption could lead to various health problems, including liver and kidney damage.

Prof Dr Mohd Hani, a senior lecturer at Universiti Kebangsaan Malaysia, said that the fish is not safe to eat, especially if it is caught in polluted waters. He warned that consuming the fish could lead to various health problems, including liver and kidney damage.